

Isu kos sara hidup naik ditangani

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kooperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) akan mengadakan pertemuan dengan badan bukan kerajaan (NGO) dan pengguna dalam masa terdekat bagi membincangkan isu peningkatan kos sara hidup.

Menterinya, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, berkata pertemuan itu bagi mengetahui permasalahan yang sering dihadapi oleh peniaga dan pengguna terutama ketika kelembapan ekonomi dunia seperti sekarang.

Jelas beliau, mesyuarat itu sepatutnya diadakan sebelum mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Menangani Kos Sara Hidup yang akan dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

“Namun, atas sebab tertentu, mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Menangani Kos Sara Hidup diawalkan pada 8 Januari ini. Justeru, kita terpaksa mengadakan pertemuan dengan NGO dan pengguna selepas mesyuarat



Hamzah bersama kakitangan KPDNKK pada perhimpunan bulanan kementerian itu di Putrajaya, semalam. [FOTO BERNAMA]

berkenaan selesai,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Perhimpunan Bulanan kementeriannya di sini, semalam.

Mahu bantu rakyat

Hamzah menegaskan, kementeriannya mahu mem-

bantu rakyat bukan sahaja dari segi mengurangkan harga barang tetapi juga dalam cara menangani permasalahan yang membelenggu pengguna.

Dalam pada itu, Hamzah berharap mesyuarat itu juga dapat menangani isu berkait-

tan penguatkuasaan dan penyenaraian produk di pasaran, termasuk telefon bimbit.

“KPDNKK akan mengeluarkan senarai semua telefon bimbit berserta model dan pengedar yang sah bagi telefon bimbit supaya pengguna tidak tertipu,” katanya.